



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# Panduan Pelaksanaan

# Pendidikan Keselamatan Jalan Raya



Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum





# **Panduan Pelaksanaan**

# **Pendidikan**

# **Keselamatan**

# **Jalan Raya**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Terbitan Mac 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

ISBN: 978-967-420-098-5

Terbitan:  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8, Blok E9,  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

## KANDUNGAN

|      |                                |     |
|------|--------------------------------|-----|
|      | RUKUN NEGARA                   | v   |
|      | FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN | vi  |
|      | KURIKULUM KEBANGSAAN           | vii |
| 1.0  | PENGENALAN                     | 1   |
| 2.0  | LATAR BELAKANG                 | 2   |
| 3.0  | MATLAMAT                       | 3   |
| 4.0  | OBJEKTIF                       | 3   |
| 5.0  | STRATEGI PELAKSANAAN           | 5   |
| 6.0  | KAEDAH DAN STATUS PELAKSANAAN  | 5   |
| 7.0  | MODUL PKJR                     | 7   |
| 8.0  | LATIHAN GURU                   | 39  |
| 9.0  | PENUTUP                        | 39  |
| 10.0 | RUJUKAN                        | 40  |

**SENARAI JADUAL****HALAMAN**

|   |    |
|---|----|
| Jadual 1: Tema dan Fokus Kandungan Sekolah Rendah   | 14 |
| Jadual 2: Tema dan Fokus Kandungan Sekolah Menengah | 34 |
| Jadual 3: Pengajaran Harian Sekolah Rendah          | 40 |
| Jadual 4: Pengajaran Harian Sekolah Menengah        | 41 |



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati

bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan

berbagai corak; dan

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi  
moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan

usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip

berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## **KURIKULUM KEBANGSAAN**

### “3. Kurikulum Kebangsaan

3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996

[PU(A)531/97]



## 1.0 PENGENALAN

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah mencapai pembangunan sosio ekonomi yang amat memberangsangkan. Mulai tahun 1996 dan dalam tempoh 10 tahun, populasi penduduk Malaysia telah meningkat daripada 21.2 juta kepada 26.4 juta pada tahun 2005 dengan purata peningkatan sebanyak 2.5 peratus setahun. Bilangan kenderaan berdaftar juga meningkat daripada 7.7 juta pada tahun 1996 kepada 14.8 juta pada tahun 2005 dengan purata peningkatan sebanyak 9.3 peratus setahun. Peningkatan yang dinikmati dalam bidang sosioekonomi telah memperlihatkan pertambahan jumlah kes kemalangan jalan raya, iaitu daripada 189,109 kes pada tahun 1996 ke 328,268 kes pada tahun 2005, iaitu peningkatan pada kadar 74 peratus.

Oleh sebab itu, satu pelan tindakan telah dirangka khas untuk mengatasi masalah ini. Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006 – 2010 telah dirangka khusus untuk dijadikan garis panduan dan hala tuju mengenai dasar, sasaran dan program keselamatan jalan raya di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Pelan tindakan tersebut telah menetapkan satu perancangan menyeluruh dengan pendekatan yang seimbang dalam melaksanakan inisiatif keselamatan jalan raya berdasarkan konsep 4E iaitu kejuruteraan (*engineering*) pendidikan (*education*) penguatkuasaan (*enforcement*) dan alam sekitar (*environment*). Di samping koordinasi, peruntukan kewangan dan mekanisma lain yang terlibat dalam pelaksanaan strategi serta keutamaan dalam merealisasikan matlamat negara bagi menangani masalah keselamatan jalan raya hingga tahun 2010.

Pendidikan keselamatan jalan raya ialah asas dan pemangkin bagi mendokong segala program yang boleh membawa kepada perubahan yang diinginkan terhadap tingkah laku, kemahiran dan sikap pemandu. Tanpa program pendidikan keselamatan jalan raya yang berkesan, langkah pencegahan yang lain akan menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan dalam mencapai matlamat dan sasaran yang diinginkan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya Bil 1/2006 bertarikh 15 Mei 2006 memutuskan pelaksanaan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) dilaksanakan di sekolah. Pelaksanaan program ini melibatkan kerjasama antara dua buah kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengangkutan. Pelaksanaan program ini dilakukan oleh agensi dan jabatan di bawah kedua-dua kementerian dengan melaksanakan tanggungjawab bersama.

Mesyuarat penyelarasan PKJR peringkat pertama berkaitan PKJR diadakan pada 16 Ogos 2006 yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM). Mesyuarat tersebut memutuskan peringkat permulaan pelaksanaan PKJR dibuat berstatus rintis melibatkan 1000 buah sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 2007. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) bertindak sebagai urus setia bagi pihak Kementerian Pengangkutan, manakala Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bagi pihak KPM.

Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) yang dipengerusikan oleh KPPM Bil. 1/2008 bertarikh 4 Ogos 2008 telah meluluskan cadangan Pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) dalam mata pelajaran BM dilaksanakan secara menyeluruh kepada murid-murid Tahun 1 bermula pada 9 Jun 2008. Mesyuarat JKP Bil. 2/2011 bertarikh 27 Jun 2011 yang dipengerusikan oleh KPPM mengambil maklum tentang pelaksanaan PKJR sekolah menengah dilaksanakan untuk Tingkatan 1, 2 dan 3.

### **3.0 MATLAMAT**

Matlamat Program PKJR dalam BM ialah untuk membentuk generasi baru penggunaan jalan raya yang berhemah supaya keselamatan jalan raya di Malaysia dapat ditingkatkan pada masa akan datang selaras dengan hasrat kerajaan untuk berada seiring dengan negara-negara maju dari segi tahap keselamatan jalan raya menjelang tahun 2020.

### **4.0 OBJEKTIF UMUM**

4.1 Pada akhir program ini, murid sekolah dapat:

- 4.1.1 Melintas jalan raya dengan cara yang dan betul dan melintas di tempat yang selamat;
- 4.1.2 Mengenali tanda-tanda isyarat jalan raya yang penting bagi mengelakkan sebarang tindakan yang tidak wajar di kawasan yang berbahaya; dan
- 4.1.3 Mengetahui kekurangan/kelemahan diri dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan diri daripada terlibat dalam kemalangan jalan raya.

4.2 Objektif Khusus Sekolah Rendah

Pada akhir program ini, murid sekolah rendah dapat;

- 4.2.1 Menunjukkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya;
- 4.2.2 Mempamerkan sikap positif dan bertanggungjawab ketika berada di jalan raya;
- 4.2.3 Memahami bahagian jalan dan persekitaran yang selamat;
- 4.2.4 Mampu untuk melintas di jalan raya dengan bantuan dan selamat;
- 4.2.5 Memahami konsep keselamatan jalan raya;

- 4.2.6 Mempamerkan sikap positif dan bertanggungjawab ketika berada di jalan raya;
- 4.2.7 Mampu melintas di jalan raya dengan selamat secara bersendirian
- 4.2.8 Memahami kegunaan alat keselamatan (topi keledar, tali pinggang keledar, permantul cahaya); dan
- 4.2.9 Kepentingan penyelenggaraan basikal.

#### 4.3 Objektif Khusus Sekolah Menengah

Pada akhir program ini, murid sekolah menengah dapat;

- 4.3.1 Memperkaya dan mempertingkatkan perbendaharaan kata dan istilah berkaitan peraturan jalan raya ke arah memperkayakan penggunaan bahasa yang merangkumi bidang interpersonal maklumat dan estetik;
- 4.3.2 Menyampaikan maklumat melalui maksud papan tanda, tanda jalan dan isyarat jalan raya dengan menggunakan bahasa yang betul;
- 4.3.3 Menunjukkan peningkatan risiko terhadap diri sendiri dan orang lain hasil daripada sesuatu keputusan yang dibuat oleh pengguna jalan raya;
- 4.3.4 Membuat keputusan yang bijak bagi mengurangkan risiko bagi diri sendiri dan orang lain sebagai pengguna jalan raya;
- 4.3.5 Menyatakan sikap dan pengaruh negatif boleh meningkatkan risiko keselamatan diri dan orang lain di jalan raya; dan
- 4.3.6 Mengetahui kekurangan dan kelemahan diri dengan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan diri daripada terlibat dalam kemalangan jalan raya.

## 5.0 STRATEGI PELAKSANAAN

5.1 Dari segi strategi pelaksanaan, diputuskan bahawa:

- 5.1.1 Pendidikan Keselamatan Jalan Raya diterapkan ke dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan diajar dalam satu waktu seminggu;
- 5.1.2 Modul PKJR dibina secara kolaboratif bersama oleh BPK, KPM dengan JKJR, Kementerian Pengangkutan;
- 5.1.3 Latihan diberikan kepada guru-guru BM sebagai pendedahan awal kepada keselamatan jalan raya dan cara penggunaan modul. Kit tutorial disediakan sebagai rujukan tambahan bagi membantu pengajaran; dan
- 5.1.4 Satu laman sesawang rujukan disediakan oleh JKJR bagi menjawab kemusykilan guru-guru BM daripada aspek teknikal keselamatan jalan raya.

## 6.0 KAEDAH DAN STATUS PELAKSANAAN

### 6.1 Kaedah pelaksanaan

- 6.1.1 Pelaksanaan ilmu PKJR di dalam bilik darjah dilakukan secara penyerapan ilmu semasa proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) mata pelajaran BM di sekolah rendah dan sekolah menengah.
- 6.1.2 Fokus kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) diutamakan dalam proses pengajaran tersebut (rujuk Jadual 3) meskipun penyerapan ilmu PKJR dilakukan.
- 6.1.3 Tempoh masa pelaksanaan satu waktu seminggu bagi sekolah rendah (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2009 bertarikh 8*

*November 2009 (KP(BPSH-SPDK)201/005/01/(29).). Manakala di sekolah menengah pula, waktu pelaksanaannya ditetapkan dua kali sebulan iaitu pada minggu pertama dan minggu ketiga setiap bulan. Surat makluman pelaksanaan PKJR (KP (BPK) 700-4/4 (11) bertarikh 19 Januari 2015 untuk murid tingkatan 1 hingga tingkatan 3 telah dihantar kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).*

6.1.4 Modul pengajaran dan pembelajaran PKJR dibekalkan kepada guru sebagai panduan pelaksanaan dan bahan bantu mengajar, manakala bagi murid pula dibekalkan dengan buku aktiviti PKJR mengikut tahun pembelajaran. Buku aktiviti tersebut akan dilengkapi oleh murid sebagai buku kerja khususnya sekolah rendah.

6.1.5 Guru bebas untuk memilih hari, waktu dan kemahiran bahasa yang ingin diterapkan ilmu PKJR semasa proses p&p, sama ada waktu pengajaran kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu satu waktu seminggu bagi sekolah rendah dan dua kali sebulan untuk sekolah menengah.

## **6.2 Status Pelaksanaan**

6.2.1 Pelaksanaan PKJR di sekolah rendah telah bermula pada tahun 2007 untuk murid Tahun 1 hingga Tahun 6 secara berperingkat.

6.2.2 Pelaksanaan PKJR di sekolah menengah bermula tahun 2012 untuk murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 secara berperingkat.



## **7.0 MODUL PKJR**

Modul PKJR dibekalkan ke setiap sekolah sebagai panduan pelaksanaan kepada guru di dalam bilik darjah, manakala buku aktiviti pula dibekalkan kepada setiap murid.

Pembinaan modul dan buku aktiviti PKJR tersebut dilakukan secara bersama-sama antara KPM dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Kandungan modul tersebut berasaskan kepada Kurikulum Keselamatan Jalan Raya yang disediakan oleh pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM berasaskan kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Panel pembinaan modul dan buku aktiviti PKJR terdiri daripada guru mata pelajaran BM, Guru Cemerlang BM, Munsyi Dewan, pegawai BPK dan pegawai Bahagian Buku Teks (BBT) bagi pihak KPM, serta Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), dan JKJR.

Setiap modul tersebut tersedia rancangan pengajaran kemahiran BM dan penyerapan ilmu PKJR dalam setiap aktiviti p&p sebagai panduan pelaksanaan kepada guru di dalam bilik darjah.

### **7.1 Kandungan Modul PKJR**

Modul PKJR dibina berdasarkan tema yang diajarkan mengikut tahun pembelajaran. Walau bagaimanapun setiap tema tersebut saling berkait dari Tahun 1 hingga Tahun 6 dan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 (Jadual 1 dan 2)

**Jadual 1: Tema dan Fokus Kandungan Sekolah Rendah**

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus                            | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|----------------------------------|--|
| 1.0 | Persekitaran jalan raya               | 1.1 Jenis-jenis jalan raya       | <p>1.1.1 Memahami bahawa jalan raya adalah tempat yang kompleks dan berbahaya.</p> <p>1.1.2 Mendefinisikan lalu lintas dalam bahasa mereka sendiri.</p> <p>1.1.3 Mengklasifikasikan jalan dalam istilah;<br/>                     i. senyap<br/>                     ii. sibuk<br/>                     iii. lebar<br/>                     iv. sempit</p> <p>1.1.4 Menerangkan bahawa terdapat hireraki jalan di Malaysia dan kenderaan bergerak pada kelajuan yang berbeza di setiap jenis jalan.</p> <p>1.1.5 Mengenal pasti elemen persekitaran pengangkutan yang;<br/>                     i. membantu kita menjadi lebih selamat<br/>                     ii. membahayakan kita apabila berjalan atau berbasikal</p> |
|     |                                       | 1.2 Bahagian-bahagian jalan raya | <p>1.2.1 Mengenal pasti bahagian tertentu jalan raya yang boleh meningkatkan keselamatan mereka sebagai pejalan kaki atau penunggang basikal.</p> <p>1.2.2 Mengenal pasti bahagian jalan raya yang boleh meningkatkan keselamatan mereka sebagai pejalan kaki atau penunggang basikal, seperti;</p>  |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus  | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|--|---|
|     |                                       |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. laluan kaki</li> <li>ii. bebendul jalan</li> <li>iii. lintasan pejalan kaki (contohnya: lintasan belang, lintasan undan, lintasan sekolah, lintasan persimpangan)</li> <li>iv. jejambat</li> <li>v. pelindung pejalan kaki</li> <li>vi. garis median</li> <li>vii. bonggol jalan</li> <li>viii. hentian bas</li> <li>ix. penghadang dan pagar jalan</li> <li>x. lorong sikal</li> </ul> <p>1.2.3 Menerangkan bagaimana bahagian tertentu jalan untuk pejalan kaki dan penunggang basikal digunakan bagi meningkatkan keselamatan.</p> |
|     |                                       | 1.3 Perabot jalan raya                                 | <p>1.3.1 Mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan perabot jalan raya. (Contohnya; pagar, rel adang, lampu jalan, pasu bunga, batas kebun, dan lain-lain).</p> <p>1.3.2 Mengenal pasti perabot jalan yang berlainan jenis dan impaknyake atas keselamatan mereka yang berjalan kaki dan berbasikal.</p>  |
|     |                                       | 1.4 Isyarat jalan raya, tanda jalan dan isyarat trafik | 1.4.1 Memahami bahawa isyarat jalan raya, tanda jalan dan isyarat trafik digunakan untuk mengawal lalu lintas dan mesti dipatuhi untuk meningkat keselamatan.   |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|-------|---|
|     |                                       |       | <p>1.4.2 Mengenal pasti isyarat jalan asas yang menggalakkan keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>1.4.3 Mengenal pasti tanda jalan asas yang menggalakkan keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>1.4.4 Menerangkan ciri-ciri isyarat trafik, seperti lampu isyarat.</p> <p>1.4.5 Menerangkan urutan isyarat trafik dan tingkah laku yang diperlukan oleh pengguna jalan raya.</p> <p>1.4.6 Mengklasifikasikan tanda jalan mengikut tujuan utama.</p> <p>1.4.7 Mengenal pasti isyarat jalan asas dan menerangkan impak kepada keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>1.4.8 Membincangkan peraturan dan tingkah laku jalan raya yang berkenaan dengan isyarat jalan raya asas.</p> <p>1.4.9 Mengenal pasti isyarat dan tanda jalan yang lebih kompleks, dan menerangkan impak ke atas keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus                                     | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|---|--|
|     |                                       |   | 1.4.10 Menerangkan kemungkinan yang akan berlaku akibat mengingkari isyarat jalan raya, tanda jalan dan isyarat trafik.  |
|     |                                       | 1.5 Aliran lalu lintas – arah lalu lintas | <p>1.5.1 Kenal pasti arah dari mana datangnya lalu lintas.</p> <p>1.5.2 Memberi penerangan ringkas tentang bagaimana isyarat dan tanda jalan yang berlainan mengawal aliran lalu lintas, termasuk pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>1.5.3 Menerangkan bagaimana waktu/masa boleh mempengaruhi kesesakan trafik dan keselamatan pejalan kaki.</p>   |
|     |                                       | 1.6 Laluan kaki dan laluan                | <p>1.6.1 Mentakrifkan kegunaan laluan kaki dan/atau laluan kongsi (termasuk juga bahu jalan terbuka).</p> <p>1.6.2 Menerangkan sikap tipikal laluan kaki dan/atau laluan kongsi di kawasan mereka serta bagaimana ia meningkatkan keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>1.6.3 Mengenal pasti pengguna jalan raya yang mungkin berkongsi laluan, secara sah atau tidak sah, serta kemungkinan bahayanya kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus                             | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|-----------------------------------|--|
|     |                                       |                                   | <p>1.6.4 Membandingkan antara penggunaan dengan bertanggungjawab dan bertimbang rasa menggunakan laluan pejalan kaki dan/atau laluan kongsi dengan kemungkinan berlakunya aktiviti berbahaya dan berisiko.</p> <p>1.6.5 Membangunkan strategi untuk mengelakkan atau menguruskan risiko dan bahaya di laluan kaki dan/atau laluan kongsi.</p>  |
|     |                                       | 1.7 Pengguna jalan raya           | <p>1.7.1 Mengenal pasti jenis-jenis pengguna jalan raya yang berbeza, contohnya;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. pejalan kaki</li> <li>ii. penumpang</li> <li>iii. pembonceng</li> <li>iv. penumpang pengangkutan awam</li> <li>v. pemandu</li> <li>vi. penunggang motosikal</li> <li>vii. penunggang basikal</li> <li>viii. pengguna kerusi roda (bermotor atau tidak)</li> </ul> <p>1.7.2 Memahami bahawa semua pengguna jalan raya ialah pejalan kaki pada sesuatu masa dalam setiap perjalanan. Kemahiran keselamatan pejalan kaki adalah penting.</p> |
| 2.  | Kenderaan                             | 2.1 Jenis dan ciri-ciri kenderaan | <p>2.1.1 Mengenal pasti jenis kenderaan yang berbeza, contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. kereta</li> <li>ii. bas</li> </ul>  |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|-------|--|
|     |                                       |       | <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. lori</li> <li>iv. basikal</li> <li>v. motosikal</li> <li>vi. kenderaan bomba</li> <li>vii. LRT / kereta api</li> <li>viii. kenderaan kecemasan</li> <li>ix. ambulans</li> <li>x. kereta polis</li> </ul> <p>2.1.2 Mengenal pasti kenderaan sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. laju</li> <li>ii. perlahan</li> <li>iii. dekat</li> <li>iv. jauh</li> <li>v. menghampiri</li> <li>vi. membelok</li> <li>vii. menjauh</li> <li>viii. mengundur</li> </ul> <p>2.1.3 Menyenaraikan bahaya oleh kenderaan kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> <p>2.1.4 Mengenali ciri-ciri keselamatan pada kenderaan untuk pejalan kaki, penunggang basikal, penumpang dan pemandu serta menerangkan fungsinya.</p> <p>2.1.5 Menceritakan faktor yang menghalang pemandangan pemandu ke jalan dan pejalan kaki.</p> <p>2.1.6 Memahami apa yang dimaksudkan dengan titik buta serta impaknya kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya  | Fokus  | Subfokus   |
|-----|--|--|--|
|     |  |  | 2.1.7 Membanding dan membezakan antara masa dengan jarak berhenti kenderaan yang berbeza.  |
| 3.  | Peraturan dan undang-undang jalan raya | 3.1 Mengetahui tentang peraturan dan undang-undang jalan raya serta menggunakannya | <p>3.1.1 Menerangkan mengapa peraturan dan undang-undang jalan raya itu perlu untuk keselamatan semua pengguna jalan raya.</p> <p>3.1.2 Mengenal pasti perbezaan antara peraturan dengan undang-undang jalan raya.</p> <p>3.1.3 Menghuraikan bagaimana dan mengapa peraturan dan undang-undang jalan raya diaplikasikan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. pejalan kaki</li> <li>ii. penunggang basikal</li> <li>iii. pemandu</li> <li>iv. penunggang motosikal</li> <li>v. penumpang</li> </ul> <p>3.1.4 Mengenal pasti peraturan jalan raya, undang-undang jalan raya, dan lain-lain prosedur keselamatan yang paling relevan kepada mereka di persekitaran mereka.</p> <p>3.1.5 Menceritakan kemungkinan akibat apabila peraturan dan undang-undang jalan raya dilanggar atau tidak diendahkan.</p> <p>3.1.6 Mereka dan menilai kod tingkah laku untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. pejalan kaki</li> <li>ii. penunggang basikal</li> <li>iii. pengguna pengangkutan awam</li> </ul> |



| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus   | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 4.  | Sebagai pejalan kaki                  | 4.1 Sokongan daripada orang dewasa dan yang lebih tua | 4.1.1 Menerangkan bahawa berjalan di jalan raya atau berdekatan jalan raya adalah lebih selamat apabila bersama orang dewasa atau yang lebih tua.   |
|     |                                       | 4.2 Arah yang paling selamat untuk berjalan kaki      | 4.2.1 Menerangkan kenapa berjalan menghadap lalu lintas adalah lebih selamat daripada berjalan mengikut arah yang sama dengan kenderaan.  |
|     |                                       | 4.3 Darjah penglihatan                                | 4.3.1 Menunjukkan kesedaran kesan daripada saiz badan mereka yang kecil terhadap keselamatan mereka.<br>4.3.2 Menunjukkan kefahaman ke atas kaitan antara berada dalam keadaan selamat dan boleh dilihat.<br>4.3.3 Menerangkan bagaimana keadaan cuaca tertentu dan pencahayaan boleh memberi kesan terhadap keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal.<br>4.3.4 Menilai kebolehpantulan sesuatu benda atau pakaian dan alat tambahan kepada kasut dan beg yang dapat meningkatkan darjah penglihatan pejalan kaki. |
| 5.  | Sebagai penunggang basikal            | 5.1 Berbasikal dengan selamat                         | 5.1.1 Memahami bahawa menunggang basikal di jalan raya di bawah umur 10 tahun adalah berbahaya.   |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|-------|--|
|     |                                       |       | <p>5.1.2 Menerangkan bagaimana topi keledar melindungi penunggang jika berlaku nahas, dan kenapa penting untuk memakainya dengan betul.</p> <p>5.1.3 Memakai dan mengetatkan topi keledar dengan betul.</p> <p>5.1.4 Melakukan penyelenggaraan mudah ke atas basikal dan topi keledar mereka.</p> <p>5.1.5 Menunjukkan cara untuk bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka sendiri apabila menunggang basikal.</p> <p>5.1.6 Mengambarkan dan menerangkan pelbagai jenis pakaian yang boleh meningkatkan darjah penglihatan penunggang basikal dalam keadaan cuaca dan masa yang berbeza.</p> <p>5.1.7 Belajar dan menunjukkan kemahiran asas menunggang basikal.</p> <p>5.1.8 Menunjukkan kebolehan untuk mengimbas apabila menunggang basikal untuk menilai dan menguruskan kebarangkalian risiko.</p> <p>5.1.9 Menunjukkan kebolehan untuk menunggang dengan yakin di jalan raya, laluan kaki, laluan sikal dan laluan kongsi.</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus   | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 6.  | Sebagai penumpang                     | 6.1 Tingkah laku yang selamat dan bertanggung jawab seseorang penumpang | <p>6.1.1 Menerangkan kepentingan untuk menjadi penumpang yang selamat dan bertanggungjawab.</p> <p>6.1.2 Menyenaraikan cara penumpang boleh menyumbang kepada keselamatan orang lain.</p> <p>6.1.3 Mengenal pasti tempat yang paling selamat dalam kenderaan untuk kanak-kanak di bawah umur 10 tahun melakukan perjalanan.</p>   |
|     |                                       | 6.2 Penggunaan alat penahan   | <p>6.2.1 Mendefinisikan alat penahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. tali pinggang keledar</li> <li>ii. tempat duduk kereta</li> <li>iii. tali pinggang riba</li> <li>iv. kapsul bayi</li> <li>v. abah-abah kanak-kanak</li> </ul> <p>6.2.2 Menyenaraikan dan membincangkan pelbagai jenis alat penahan untuk penumpang berlainan usia dan menerangkan kenapa setiap satunya bersesuaian.</p> <p>6.2.3 Menunjukkan bagaimana alat penahan yang bersesuaian dikancingkan dan dilaraskan supaya muat kepada pemakainya.</p> <p>6.2.4 Membincangkan tanggungjawab undang-undang oleh penumpang supaya memakai tali pinggang keledar dengan betul.</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus   | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|---|--|
|     |                                       |   | <p>6.2.5 Membandingkan situasi sama ada alat penahan digunakan atau tidak serta membuat kesimpulan tentang alat penahan dan keselamatan.</p> <p>6.2.6 Menerangkan akibat kepada penumpang dan objek di dalam kenderaan apabila kenderaan tersebut membelok dengan tajam atau melanggar objek.</p>  |
|     |                                       | <p>6.3 Penggunaan topi keledar</p>                        | <p>6.3.1 Membincangkan kepentingan pemakaian topi keledar dengan betul.</p> <p>6.3.2 Menerangkan kepentingan topi keledar melindungi penumpang jika berlaku kemalangan.</p> <p>6.3.3 Membandingkan situasi di mana topi keledar digunakan atau tidak serta membuat kesimpulan tentang topi keledar dan keselamatan.</p> <p>6.3.4 Memakai dan mengetatkan topi keledar dengan betul.</p> <p>6.3.5 Menunjukkan kepekaan tentang kepentingan dan strategi untuk membuat orang lain peka tentang penggunaan topi keledar dengan betul.</p> |
|     |                                       | <p>6.4 Memasuki dan keluar dari kenderaan (kereta dan</p> | <p>6.4.1 Membincangkan tingkah laku yang selamat untuk memasuki dan keluar dari kenderaan.</p>   |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus  | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|--|--|
|     |                                       | <p>motorsikal)<br/>dengan selamat</p>          | <p>6.4.2 Menerangkan kenapa adalah lebih selamat untuk memasuki dan keluar dari kenderaan dari sebelah bebendul jalan.</p> <p>6.4.3 Menerangkan dan menunjukkan tingkah laku yang bersesuaian untuk memasuki dan keluar dari kenderaan.</p>  |
| 7.  | Melintas jalan dengan selamat         | 7.1 Memilih tempat yang selamat untuk melintas | <p>7.1.1 Memahami bahawa jalan raya adalah berbahaya, melintas jalan adalah kompleks dan orang dewasa boleh membantu kanak-kanak untuk melintas jalan dengan selamat.</p> <p>7.1.2 Mengenal pasti dan menerangkan bahagian-bahagian persekitaran jalan raya yang dapat meningkatkan keselamatan sewaktu melintas, contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. lintasan pejalan kaki (sekolah, belang, undan, persimpangan)</li> <li>ii. jejambat</li> <li>iii. pelindung pejalan kaki</li> <li>iv. lampu isyarat (dengan pancaran orang merah/hijau)</li> </ul> <p>7.1.3 Mengenal pasti tempat yang paling selamat untuk melintas jalan, contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. tempat melintas yang ditentukan</li> <li>ii. tempat melintas atau persimpangan yang diselia atau dikawal</li> <li>iii. blok tengah apabila</li> </ul> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus  | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|--|---|
|     |                                       |  | <p>kelihatan pemandangan trafik yang jelas</p> <p>iv. jejambat pejalan kaki</p> <p>v. di mana-mana apabila pemandangan trafik dari setiap arah kelihatan dengan jelas</p> <p>7.1.4 Mengenal pasti tempat yang berbahaya untuk melintas.</p> <p>7.1.5 Membincangkan kelebihan dan keburukan dari aspek keselamatan jika menggunakan atau tidak menggunakan tempat melintas yang tentukan.</p> <p>7.1.6 Mengenal pasti dan membincangkan pengaruh yang selamat dan tidak selamat dalam pemilihan tempat melintas.</p> <p>7.1.7 Mengenal pasti faktor-faktor (manusia dan persekitaran) yang boleh membuatkan melintas jalan sukar.</p> <p>7.1.8 Membangunkan dan melaksanakan strategi keselamatan untuk menguruskan lintasan yang susah atau rumit</p> |
|     |                                       | <p>7.2 Prosedur yang selamat untuk melintas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhenti</li> <li>• Lihat</li> <li>• Dengar</li> <li>• Fikir</li> </ul> | <p>7.2.1 Memahami bahawa melintas jalan adalah lebih selamat apabila langkah tertentu diambil untuk menyempurnakan tugas tersebut.</p> <p>7.2.2 Mengetahui lima langkah untuk menyempurnakan tugas melintas jalan dengan</p>  |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus  | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|--|---|
|     |                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhati-hati</li> </ul> | <p>selamat.</p> <p>7.2.3 Menggambarkan prosedur melintas dan menerangkan setiap langkah.</p> <p>7.2.4 Menunjukkan pengetahuan dan kemahiran (perkataan dan fizikal) lima langkah yang terlibat dalam melintas jalan dengan selamat – dalam situasi yang dikawal dan diselia.</p> <p>7.2.5 Menerangkan bagaimana tingkah laku melintas jalan mereka menjejaskan keselamatan mereka dan orang lain.</p> <p>7.2.6 Menggunakan pelbagai kemahiran dan pancaindera mereka untuk mengumpul maklumat mengenai lalu lintas. Contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. menggunakan kemahiran kinestatik untuk berhenti di kawasan yang selamat di pinggir jalan</li> <li>ii. menggunakan petunjuk visual untuk menentukan jalan tidak berhalang</li> <li>iii. menggunakan kemahiran auditori untuk menentukan arah dan kelajuan lalu lintas</li> <li>iv. menggunakan kemahiran kognitif untuk menentukan keselamatan peribadi dan komuniti berkaitan dengan melintas jalan</li> </ol> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus                                      | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|--|---|
|     |                                       |  | <p>7.2.7 Menunjukkan prosedur melintas jalan yang betul dalam pelbagai situasi. Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. di lampu isyarat</li> <li>ii. di lintasan sekolah</li> <li>iii. di lintasan belang atau undan</li> <li>iv. persimpangan yang tidak dikawal</li> </ul>  |
|     |                                       | <p>7.3 Pemilihan ruang dan pengimbasan</p> | <p>7.3.1 Memahami apa yang dimaksudkan dengan mengimbas lalu lintas untuk mengenal pasti risiko dan bahaya.</p> <p>7.3.2 Memahami apa yang dimaksudkan dengan pemilihan masa dan ruang serta impak ke atas keselamatan.</p> <p>7.3.3 Di bawah seliaan orang dewasa, menunjukkan berbagai kemahiran berkaitan dengan melintas dengan selamat dalam situasi yang berbeza-beza, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mendemonstrasikan teknik mengimbas untuk mengoptimumkan keselamatan semasa melintas</li> <li>ii. mempraktikkan anggaran masa ruang</li> <li>iii. menunjukkan kesedaran penglihatan yang terbatas</li> <li>iv. menunjukkan kesedaran pembatasan berkaitan pengesanan bunyi lalu lintas</li> <li>v. mengaitkan reaksi</li> </ul> |



| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus  | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|--|--|
|     |                                       |  | <p>masa dengan keselamatan diri sendiri</p> <p>vi. mengagak</p>  |
|     |                                       | <p>7.4 Lebih banyak keputusan mengenai melintas dengan selamat</p> | <p>7.4.1 Membincangkan faktor/pengaruh yang melibatkan keputusan mengenai situasi melintas yang selamat dan tidak selamat.</p> <p>7.4.2 Mengenal pasti keputusan pemandu dan penunggang motosikal yang boleh meletakkan pejalan kaki dan penunggang basikal dalam bahaya.</p> <p>7.4.3 Menunjukkan kesedaran mengenai kepentingan dan strategi untuk membuatkan orang lain sedar perlunya mengikut prosedur melintas jalan yang selamat.</p> |
|     |                                       | <p>7.5 Memilih jalan yang selamat</p>                              | <p>7.5.1 Mengenal pasti jalan dan kawasan yang selamat dan bahaya di persekitaran mereka.</p> <p>7.5.2 Membincangkan pertimbangan untuk memilih jalan yang selamat. Contohnya: mudah, dari segi masa dan jarak.</p> <p>7.5.3 Memetakan jalan selamat ke sekolah dan menjelaskan sebabnya.</p> <p>7.5.4 Menilai jalan biasa yang diambil dan menerangkan kenapa dan di mana keadaan adalah selamat dan/atau berbahaya.</p>                    |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus                                 | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|---------------------------------------|---|
|     |                                       |                                       | 7.5.5 Menerangkan dan mengikut jalan yang mempunyai tanda arah.   |
| 8.  | Bermain                               | 8.1 Tempat yang selamat untuk bermain | <p>8.1.1 Menerangkan akibat yang bakal berlaku jika bermain di jalan raya atau berdekatan jalan raya.</p> <p>8.1.2 Mengenal pasti kawasan bermain yang selamat dan tidak.</p>   |
|     |                                       | 8.2 Kenderaan rekreasi                | <p>8.2.1 Menyenaraikan jenis permainan rekreasi beroda yang berbeza. Contohnya;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. papan selaju</li> <li>ii. skuter</li> <li>iii. kasut beroda</li> <li>iv. skuter bermotor</li> </ul> <p>8.2.2 Mengenal pasti peralatan perlindungan yang boleh digunakan untuk meningkatkan keselamatan mereka yang menggunakan kenderaan rekreasi. Contohnya,</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. topi keledar</li> <li>ii. pad siku</li> <li>iii. pad lutut</li> </ul> <p>8.2.3 Menerangkan peraturan jalan raya yang terpakai kepada pengguna kenderaan rekreasi.</p> |
| 9.  | Kenderaan awam                        | 9.1 Bas, LRT dan kereta api           | <p>9.1.1 Mendefinisikan kenderaan awam dan memberikan contoh.</p> <p>9.1.2 Menyelidik pilihan pengangkutan awam di</p>  |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya                   | Fokus  | Subfokus   |
|-----|---|--|--|
|     |   |  | <p>kawasan tempatan, dan kelebihan dan kekurangan menggunakannya.</p> <p>9.1.3 Membincangkan dan membangunkan prosedur yang selamat untuk menunggu, menaiki, melakukan perjalanan, dan turun/keluar dari kenderaan awam.</p> <p>9.1.4 Mengenal pasti tindakan yang menyumbang kepada budi bahasa dan tingkah laku penumpang yang selamat.</p> <p>9.1. Menyelidik dan menilai penggunaan pengangkutan awam untuk perjalanan tertentu.</p> <p>9.1.6 Di bawah pengawasan orang dewasa, rancang dan lakukan perjalanan dengan pengangkutan awam.</p> <p>9.1.7 Mendemonstrasikan prosedur yang selamat apabila menggunakan pengangkutan awam.</p> |
| 10. | Tingkah laku yang berisiko apabila melakukan perjalanan | 10.1 Kesan Daripada tingkah laku yang berisiko | <p>10.1.1 Membincangkan bahaya ke atas keselamatan diri atau orang lain apabila bertindak mengikut gerak hati atau perhatian teralih semasa atau berdekatan jalan raya.</p> <p>10.1.2 Mengenal pasti bagaimana tingkah laku tidak terduga atau antisosial boleh mengkompromi keselamatan pengguna jalan raya yang lain.</p>  |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|-------|---|
|     |                                       |       | <p>10.1.3 Mengenal pasti tingkah laku pengguna jalan raya yang bertanggungjawab.</p> <p>10.1.4 Menunjukkan kefahaman tanggungjawab sebagai seorang model pengguna jalan raya yang selamat kepada rakan sebaya dan yang lebih muda.</p> <p>10.1.5 Menunjukkan kesedaran tentang apa yang perlu dilakukan semasa kecemasan.</p> <p>10.1.6 Meramalkan apa yang perlu diketahui dan buat untuk menjadi seorang pengembara yang selamat dan bertanggungjawab pada masa hadapan.</p> <p>10.1.7 Mengenal pasti kemungkinan sebab atau faktor yang menyumbang kepada nahas jalan raya.</p> <p>10.1.8 Membangunkan dan mendemonstrasikan kemahiran dan strategi untuk menangani pengaruh negatif dari rakan sebaya berkaitan keselamatan jalan raya.</p> <p>10.1.9 Membincangkan pembabitan tingkah laku yang berisiko terhadap diri sendiri dan orang lain.</p> <p>10.1.10 Mengenal pasti strategi untuk menguruskan tingkah laku yang berisiko orang</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya                          | Fokus  | Subfokus   |
|-----|--|--|--|
|     |  |  | lain.  |
| 11  | Pengaruh media dan budaya popular dalam keselamatan jalan raya | 11.1 Memikirkan tentang keselamatan jalan raya | 11.1.1 Mengenal pasti pesanan tersembunyi berkaitan keselamatan dan anti-keselamatan dalam media.<br>11.1.2 Menggambarkan beberapa teknik yang digunakan oleh pihak media untuk mempengaruhi pemikiran kita berkaitan keselamatan.<br>11.1.3 Membangunkan dan menggunakan konsep pengiklanan bagi mencipta kempen keselamatan jalan raya mereka sendiri. |

Jadual 2: Tema Dan Fokus Kandungan Sekolah Menengah

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan       | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|-----------------------|--|
| 1.  | Penggunaan Jalan Raya                 | 1.1 Risiko dan akibat | 1.1.1 Mengenal pasti dan menyenaraikan faktor nahas jalan raya di Malaysia<br>1.1.2 Mengenal pasti dan menyenaraikan akibat daripada nahas jalan raya di Malaysia<br>1.1.3 Menyatakan maksud risiko, mengambil risiko dan implikasi risiko secara umum<br>1.1.4 Menyatakan perkaitan risiko, mengambil risiko dengan tingkah lalku penggunaan jalan raya |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan               | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|-------------------------------|--|
|     |                                       |                               | <p>1.1.5 Menyatakan perkaitan risiko, mengambil risiko dan implikasi risiko dengan persekitaran jalan raya serta situasi perjalanan</p> <p>1.1.6 Mengenal pasti faktor risiko yang memberi kesan terhadap keselamatan remaja sebagai pengguna jalan raya</p> <p>1.1.7 Menyenaraikan tingkah laku yang mempengaruhi keselamatan semua pengguna jalan raya</p> <p>1.1.8 Menyatakan akibat penggunaan jalan raya yang salah dan tidak selamat</p> |
|     |                                       | 1.2 Pengurusan risiko         | <p>1.2.1 Menyatakan strategi untuk menangani risiko berkaitan dengan tingkah laku pengguna jalan raya</p> <p>1.2.2 Menyatakan strategi untuk menangani risiko dan mengurangkan bahaya di persekitaran jalan raya</p> <p>1.2.3 Menyenaraikan strategi untuk menangani risiko dan mengurangkan bahaya berkaitan dengan situasi perjalanan</p>  |
|     | Faktor Manusia Dalam Pelanggaran      | 1.3 Memandu melebihi had laju | <p>2.1.1 Memahami dan menerangkan akibat memandu melebihi had laju</p> <p>2.1.2 Mengenal pasti kesan yang berlaku kepada seseorang</p>   |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan                                | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|--|---|
|     |                                       |  | <p>semasa pelanggaran disebabkan kelajuan</p> <p>2.1.3 Mengenal pasti kecuaiian manusia menyelenggarakan kenderaan</p> <p>2.1.4 Mengetahui perbezaan antara had laju, had laju yang ditetapkan, had laju yang dicadangkan dan kelajuan yang bersesuaian</p>   |
|     |                                       | 2.2 Keletihan                                  | <p>2.2.1 Mengetahui kepentingan tidur yang cukup untuk mengekalkan perhatian semasa memandu</p> <p>2.2.2 Mengenal pasti simptom keletihan dan kesannya terhadap pengguna jalan raya</p> <p>2.2.3 Mengetahui ritma sirkadian dan gangguannya kepada tubuh manusia</p>  |
|     |                                       | 2.3 Memandu dibawah pengaruh dadah dan alkohol | <p>2.3.1 Mengenal pasti kesan ubat dan preskripsi kepada keselamatan pengguna jalan raya</p> <p>2.3.2 Mengenal pasti kesan dadah dan alkohol kepada keselamatan pengguna jalan raya</p> <p>2.3.3 Memahami undang-undang yang berkaitan dengan pemanduan di bawah pengaruh alkohol dan dadah akibat mengabaikan undang-undang tersebut</p> <p>2.3.4 Mengatakan bantahan atas pemanduan di luar kawalan</p> |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan           | Subfokus  |
|-----|---------------------------------------|---------------------------|---|
|     |                                       | 2.4 Hilang tumpuan        | <p>2.4.1 Mengenal pasti jensi-jenis hilang tumpuan, contoh dan kesan penglihatan dan pendengaran; penggunaan telefon bimbit dan muzik</p> <p>2.4.2 Mengenal pasti jensi-jenis hilang tumpuan, contoh dan kesan fizikal; bergurau senda, makan, minum dan menukar siaran</p> <p>2.4.3 Mengenal pasti jensi-jenis hilang tumpuan, contoh dan kesan kognatif; berkhayal</p>  |
| 3   | Alat Pelindung                        | 3.1 Tali pinggang keledar | <p>3.1.1 Mengenal pasti fungsi tali pinggang keledar atau alat pengekang untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan tahap kecederaan jika berlaku nahas atau kenderaan berhenti secara mengejut</p> <p>3.1.2 Menerangkan fungsi dan cara memakai tali pinggang keledar dengan betul</p> <p>3.1.3 Mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan pemakaian tali pinggang keledar</p> <p>3.1.4 Menyatakan akibat tidak menggunakan tali pinggang keledar dengan betul</p> |
|     |                                       | 3.2 Topi Keledar          | <p>3.2.1 Mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan pemakaian topi keledar</p> <p>3.2.2 Mengenal pasti fungsi dan ciri-ciri topi keledar yang dapat menyelamatkan</p>   |



| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan                            | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|--|--|
|     |                                       |  | nyawa dan dapat mengurangkan tahap kecederaan jika terlibat dalam nahas<br><br>3.2.3 Menyatakan akibat jika tidak memakai topi keledar dengan betul  |
|     |                                       | 3.3 Alat pemantul cahaya                   | 3.3.1 Menyatakan kaitan antara kebolehlihatan dengan kejadian kemalangan   |
|     |                                       | 3.4 Beg udara                              | 3.4.1 Menyatakan faedah kewujudan dan fungsi beg udara di dalam kenderaan<br><br>3.4.2 Mengetahui bahawa beg udara boleh mengurangkan risiko kecederaan dan kematian   |
| 4   | Pejalan Kaki                          | 4.1 Tingkah laku pejalan kaki yang selamat | 4.1.1 Mengenal pasti tindakan yang perlu diambil oleh pejalan kaki ketika di jalan raya<br><br>4.1.2 Memilih situasi yang sesuai untuk melintas jalan<br><br>4.1.3 Mengenal pasti kaedah yang betul apabila berjalan di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan laluan pejalan kaki |
| 5   | Penunggang Basikal dan Motosikal      | 5.1 Menunggang basikal dengan selamat      | 5.1.1 Menghuraikan kepentingan menggunakan alat perlindungan ketika menunggang basikal<br><br>5.1.2 Merancang dan menjelaskan tindakan yang perlu diambil apabila terlibat dengan kemalangan   |

| Bil | Tema/Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya | Fokus Kandungan                          | Subfokus   |
|-----|---------------------------------------|--|--|
|     |                                       |  | <p>5.1.3 Menghubung kait kemahiran berbasikal sebagai aktiviti rekreasi dengan menekankan aspek keselamatan</p>  |
|     |                                       | 5.2 Menunggang motorsikal dengan selamat | <p>5.2.1 Menghuraikan kepentingan menggunakan alat perlindungan ketika menunggang motorsikal</p> <p>5.2.2 Mengetahui undang-undang berkaitan dengan penunggang motorsikal</p> <p>5.2.3 Mengenal pasti proses yang berkaitan untuk mendapatkan lesen menunggang motorsikal</p> <p>5.2.4 Memahami risiko yang berkaitan dengan penunggang motorsikal</p> |
| 6   | Pemandu dan Penumpang                 | 6.1 Tingkah laku pemandu yang selamat    | <p>6.1.1 Mengenal pasti ciri-ciri pemandu berhemah</p> <p>6.1.2 Menghuraikan situasi berbahaya ketika memotong kenderaan lain</p> <p>6.1.3 Menerangkan proses untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan</p>  |
|     |                                       | 6.2 Tingkah laku penumpang yang selamat  | <p>6.2.1 Membincangkan tingkah laku penumpang yang mengganggu pemandu secara fizikal</p> <p>6.2.2 Membincangkan peranan penumpang untuk memastikan pemanduan yang selamat</p>  |

Nota: Modul PKJR dalam pembinaan semula bagi kegunaan 2018

## 7.2 Rancangan Mengajar Harian Penyerapan Ilmu Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Jadual 3: Rancangan Mengajar Harian Sekolah Rendah

|   |   |  |
|---|---|--|
| <b>Tema/Tajuk/Kemahiran:</b>  | <b>Keselamatan-Lima Langkah Melintas Dengan Selamat</b>   |  |
| <b>Standard Pembelajaran:</b>   | 1.2.1   | Bertutur untuk menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks   |
| <b>Kemahiran PKJR:</b>  | 1.7.2   | Memahami bahawa semua pengguna jalan raya ialah pejalan kaki pada sesuatu masa dalam setiap perjalanan, dan kemahiran keselamatan pejalan kaki adalah penting. |
| <b>Objektif:</b>  | Pada akhir pembelajaran murid dapat;<br><br>Menyatakan lima langkah selamat melintas jalan raya dengan sebutan yang betul |  |
| <b>Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</b>   |   | <b>Catatan</b>   |
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menunjukkan gambar /video orang melintas jalan raya dengan pelbagai cara.</li> <li>2. Guru bersoal jawab berasaskan perbuatan yang dilihat dalam gambar/video tersebut.<br/>Soalan guru: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selamat atau tidak melintas di jalan raya yang sibuk tanpa menggunakan jejantas?</li> <li>• Mengapa perbuatan melintas tersebut tidak selamat? (jawapan pelbagai)</li> <li>• Bagaimana untuk melintas dengan selamat?</li> </ul> </li> <li>3. Guru menayangkan video perbuatan melintas dengan selamat dengan mengamalkan lima langkah melintas <ul style="list-style-type: none"> <li>• berhenti di bebendul jalan &amp; undur selangkah</li> <li>• lihat kiri, kanan dan kiri</li> <li>• dengar mana-mana arah</li> <li>• berfikir sama ada selamat atau tidak</li> <li>• melintas sambil berwaspada</li> </ul> </li> <li>4. Murid memerhati dan menyebut mengikut langkah-langkah yang dinyatakan dalam video tersebut.</li> <li>5. Murid membaca lembaran yang tercatat lima langkah melintas dengan selamat yang dibekalkan secara kelas dan individu.</li> </ol> |   | <p>Bahan media</p> <p>Lembaran kerja</p>   |

|   |  |
|---|--|
| <p>6. Murid menyebut semula lima langkah melintas dengan selamat secara kelas bagi mengukuhkan ingatan murid.</p> <p>7. Murid dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan murid memainkan peranan/lakon sebagai lori, bas, lampu isyarat, dan pejalan kaki.</p> <p>8. Guru mengawasi murid untuk mengamalkan dan melakukan lima langkah untuk melintas jalan raya dengan selamat.</p> <p>9. Guru meminta murid menyebutkan tindakan keselamatan dan aktiviti melintas jalan dengan selamat yang telah mereka ambil semasa dalam aktiviti main peranan.</p> <p>10. Guru melakukan rumusan dengan menyatakan bahawa jalan raya adalah tempat yang berbahaya dan elakkan daripada bermain di jalan raya.</p> |  |
|---|--|

Jadual 4: Rancangan Mengajar Harian Sekolah Menengah

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
| Kemahiran bahasa                   | DENGAR TUTUR   |
| Tingkatan                          | 1  |
| Masa                               | 60 minit   |
| Tema/Tajuk                         | Penggunaan Jalan Raya  |
| Standard Kandungan                 | 1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.   |
| Standard Pembelajaran              | 1.3.2 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dalam pelbagai wacana dengan memberikan pelbagai respons secara lisan dengan betul, tepat dan bermakna.                       |
| Hasil pembelajaran                 | 1.1.1 Mengenal pasti dan menyenaraikan faktor nahas jalan raya.<br>1.1.2 Mengenal pasti dan menyenaraikan akibat daripada nahas jalan raya.                                      |
| Objektif Pengajaran & Pembelajaran | Pada akhir pengajaran, murid dapat:<br>Menyatakan faktor dan akibat nahas serta perkara yang patut dan tidak patut dilakukan di jalan raya dengan menggunakan bahasa yang betul. |

|                           |   |
|---------------------------|---|
| Elemen Merentas Kurikulum | Ilmu: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya   |
|                           | Nilai: Bertanggungjawab   |
|                           | Kemahiran:<br>a) KBAT - Mengintegrasikan, mentafsir, membuat refleksi<br>b) TMK -   |
| <b>AKTIVITI</b>           | <p>Set induksi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sumbang saran mengenai gambar yang diberi.</li> </ol> <p>Aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Murid membaca senyap dan memahami petikan.</li> <li>ii. Murid membaca kuat petikan mengikut giliran dengan menggunakan intonasi yang betul dan tepat.</li> <li>iii. Aktiviti berkumpulan 1:<br/>Bincangkan punca dan akibat kemalangan jalan raya berdasarkan petikan yang diberi.</li> <li>iv. Pembentangan kumpulan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketua kumpulan membentangkan hasil kerja</li> <li>- Ahli kumpulan lain mengemukakan soalan berkaitan hasil pembentangan.</li> <li>- Kumpulan pembentang memberikan jawapan yang rasional terhadap soalan.</li> </ul> </li> <li>v. Aktiviti berkumpulan 2: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid diminta berbincang dan menghasilkan satu senarai "Perkara yang patut dan perkara yang tidak patut dilakukan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya".</li> <li>- Ahli dalam kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan dalam kumpulan.</li> <li>- Murid mengemukakan soalan kepada kumpulan yang membuat pembentangan.</li> <li>- Kumpulan pembentang memberikan jawapan yang rasional terhadap soalan.</li> </ul> </li> <li>vi. Aktiviti 3: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumbang saran: Bagaimana senarai "Perkara yang patut dan perkara yang tidak patut dilakukan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya" membantu anda dalam mengelakkan kejadian kemalangan jalan raya berlaku kepada anda atau keluarga anda?</li> </ul> </li> </ol> |

vii. Aktiviti 4:

- Murid dikehendaki membuat nota peringatan untuk diri sendiri dengan menyatakan lima peraturan yang sangat penting untuk dipatuhi untuk mengelakkan kemalangan jalan raya.

Lampiran 1

PRAAKTIVITI

- a) Perhatikan gambar yang ditunjukkan oleh guru anda.



- Apakah yang anda lihat dalam gambar ini?
- Sumbang saran bersama-sama rakan mengenai gambar yang diberi.

## AKTIVITI 1

## Lampiran 2

- a) Bincangkan punca dan akibat kemalangan jalan raya berdasarkan petikan yang diberi.

**KEMALANGAN JALAN RAYA**

Apabila musim perayaan menjelang tiba, anggota masyarakat di Malaysia begitu ghairah untuk pulang ke kampung halaman masing-masing, terutamanya golongan perantau yang mencari rezeki di kota raya. Perasaan mereka *bagai digamit rindu* untuk pulang ke kampung dan bertemu dengan ahli keluarga yang sudah lama tidak ditemui. Namun demikian, selain perasaan yang begitu teruja itu, anggota masyarakat pasti akan mendengar berita tentang kemalangan maut yang sangat menyayat hati kita. Kemalangan maut yang sering berlaku pada musim perayaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Dengan kata lain, terdapat beberapa punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan ini dan cadangan untuk mengatasinya.

Faktor pertama kemalangan jalan raya berlaku kebiasaannya disebabkan oleh kelalaian manusia sebelum memulakan perjalanan. Mereka sering alpa untuk memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan yang baik dan tidak menghantar kenderaan tersebut untuk diselenggara di pusat servis. Akibatnya, keadaan kenderaan mereka itu akan menjejaskan perjalanan mereka untuk pulang ke kampung. Keadaan kereta yang tidak diservis dan tayar yang “botak” ini akan mengakibatkan kereta itu mudah hilang kawalan terutamanya ketika hujan dan seterusnya menyebabkan berlakunya kemalangan maut. Oleh itu, kesan daripada manusia yang alpa dan tidak mengambil berat keadaan kenderaan mereka itu menyebabkan kemalangan tersebut berlaku.

Faktor kedua kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap manusia yang gagal merancang perjalanan dan bersikap terburu-buru semasa berada di jalan raya. Anggota masyarakat tidak merancang perjalanan mereka dengan teliti iaitu dengan menentukan waktu yang sesuai untuk bertolak ke kampung supaya mereka tidak terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang merupakan suatu penyiksaan kepada pengguna jalan raya. Perkara ini seterusnya akan menyebabkan sesetengah pengguna jalan raya yang tidak sabar dan mengikut nafsu itu melakukan kesalahan seperti memotong kenderaan di garisan berkembar atau di bahagian bahu jalan. Tindakan yang tidak bertanggungjawab ini seterusnya akan menyebabkan kemalangan berlaku.

Faktor seterusnya yang menyebabkan kemalangan berlaku disebabkan oleh keadaan jalan raya yang kurang memuaskan hati penggunanya. Walaupun masyarakat sudah merancang perjalanan dan menyelenggara kenderaan mereka, kemalangan tetap juga berlaku. Hal ini berlaku demikian kerana keadaan jalan raya yang berlubang-lubang dan tidak rata akan menyebabkan tayar kereta tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya. Kesan seterusnya, apabila pengguna jalan raya melalui kawasan

tersebut, kenderaan mereka mungkin akan terbabas dan sukar untuk dikawal. Kenderaan mereka mungkin akan berlanggar dengan kenderaan lain atau melanggar pembahagi jalan dan perkara ini akan menyebabkan kemalangan berlaku. Oleh itu, keadaan atau faktor jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik turut menyebabkan kemalangan maut berlaku.

Kemalangan maut ini dapat diatasi dengan pelbagai kaedah, antaranya melalui kempen-kempen di media massa dan papan iklan di tepi jalan atau lebuh raya. Radio dan televisyen boleh memaparkan iklan kepada audien supaya mereka tidak lupa akan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh mereka sebelum memulakan perjalanan. Sebagai contohnya, mereka boleh memaparkan iklan tentang pemandu yang letih dan mengantuk ketika memandu kenderaan dan mereka perlu berhenti di kawasan rehat. Kempen dan iklan seperti itu dirasakan berkesan kerana para pengguna jalan raya dapat melihat iklan tersebut dengan mudah. Jelaslah di sini bahawa melalui kempen, perkara itu akan mengingatkan mereka tentang bahaya kemalangan jalan raya.

Langkah seterusnya yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan iaitu melalui Jabatan Kerja Raya adalah dengan memastikan jalan-jalan raya di Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Perkara ini perlu dilakukan bagi memudahkan pengguna menggunakannya tanpa perasaan bimbang atau takut. Semua jalan raya yang berlubang perlu diturap dengan sempurna supaya dapat menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Selain itu, permukaan jalan yang tidak rata haruslah diratakan supaya pengguna berasa selesa ketika memandu kenderaan serta melancarkan perjalanan anggota masyarakat yang hendak pulang ke kampung halaman mereka. Justeru, keadaan jalan raya yang baik dapat mengurangkan kemalangan maut yang berlaku di negara kita.

Kesimpulannya, pengguna jalan raya haruslah lebih berwaspada dan berhati-hati ketika hendak memulakan perjalanan dan pandulah kenderaan dengan cermat kerana **pandu cermat jiwa selamat**. Sekiranya masyarakat tidak mematuhi etika pemanduan yang betul maka kemalangan maut ini boleh berlaku tanpa mengira masa. Mereka perlu ingat akan orang yang tersayang yang sedang menanti kepulangan mereka di rumah atau di kampung. Oleh itu, semua anggota masyarakat dan kerajaan haruslah **berganding bahu** untuk memastikan kadar peningkatan kemalangan maut dapat diatasi dengan memainkan peranan masing-masing secara berkesan. Dengan cara itu kita berharap agar masyarakat di Malaysia dapat hidup sejahtera tanpa dibelenggu oleh masalah yang berpunca daripada kemalangan jalan raya.

Sumber:

<http://khirkassim.blogspot.my/2012/07/karangan-stpm-kemalangan-jalan-raya.html>

- b) Berbincanglah dengan kelas hasil perbincangan kumpulan bersama-sama rakan lain di dalam kelas.



## **8.0 LATIHAN GURU**

Kursus pendedahan PKJR telah diberi kepada Jurulatih Utama PKJR, pegawai JPN dan PPD serta seorang guru BM di setiap sekolah rendah seluruh negara. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada guru sekolah menengah ditumpukan kepada seorang guru yang mewakili setiap daerah di seluruh negara.

## **9.0 PENUTUP**

Kerjasama semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PKJR dalam mata pelajaran BM amatlah diharapkan. Semoga hasrat Kerajaan dapat dicapai melalui strategi yang digariskan dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya (2006-2010) yang telah mengenal pasti pendekatan pendidikan sebagai strategi utama bagi mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia dapat dicapai.

## RUJUKAN

1. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya Bil 1/2006 bertarikh 15 Mei 2006
2. Minit Mesyuarat Penyelarasan PKJR peringkat pertama berkaitan PKJR bertarikh 16 Ogos 2006
3. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) yang dipengerusikan oleh KPPM Bil. 1/2008 bertarikh 4 Ogos 2008
4. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PKJR bertarikh 1 April 2011
5. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat (JKP) Bil. 2/2011 bertarikh 27 Jun 2011
6. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2009 bertarikh 8 November 2009 (KP(BPSH-SPDK)201/005/01/(29).)
7. Surat Makluman kepada semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Pelaksanaan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) Dalam Bahasa Malaysia Murid Tingkatan 1 2012 bertarikh 10 Julai 2012
8. Buku Kandungan Kemahiran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Dalam Bahasa Malaysia Tahun 1 – 6: Program Bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan Kementerian Pelajaran Malaysia

## AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN

### PENASIHAT

Dr. Sariah binti Abd. Jalil  
Pengarah BPK

### PENGERUSI

Datin Dr. Ng Soo Boon  
Timbalan Pengarah (STEM)

### PENYELARAS

Chetrilah binti Othman  
Ketua Sektor Bahasa dan Kesusasteraan

### SETIAUSAHA

Noraizah binti Ahmad Ghazali  
Sektor Bahasa dan Kesusasteraan

### KETUA PANEL

Mazlan bin Ismail  
Sektor Bahasa dan Kesusasteraan

### AHLI PANEL

|                                  |                            |
|----------------------------------|----------------------------|
| Haji Naza Idris bin Saadon       | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Dr. A'azmi bin Shahri            | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Zaidah binti Mohd. Yusof         | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Mohd. Faudzan bin Hamzah         | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Dr. Ruslawati binti Othman       | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus  | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Hajah Norashikin binti Hashim    | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Isnahanaz binti Ismail           | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Zaiton binti Derahman            | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Yatimah binti Muji               | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Norhafizah binti Kamaruddin      | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Mohamad Suhaimi bin Sabarudin    | Bah. Pembangunan Kurikulum |
| Chin Fong Phin                   | Bah. Pembangunan Kurikulum |

### Reka Bentuk Kulit Buku

|                           |                            |
|---------------------------|----------------------------|
| Mohamad Lufti bin Mahpudz | Bah. Pembangunan Kurikulum |
|---------------------------|----------------------------|







Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>

ISBN 978-967-420-098-5



9 789674 200985